



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (b)

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian / Jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.

**GURU UGAMA TERLATIH TINGKAT KHAS (G.5)
JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Kementerian Hal Ehwal Ugama.**
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.



**GURU UGAMA TERLATIH TINGKAT KHAS
JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EH WAL UGAMA
G.5 (\$1,485 - \$2,155 EB KHAS \$2,225 - \$2,505 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SEPULUH (10)**

KELAYAKAN MINIMUM:


1. a) Diploma Perguruan Ugama atau sebanding dalam bidang Pengajian Islam atau bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji G.2 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji G.1 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.
2. Mempunyai Diploma / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan.
3. Mempunyai pengalaman sebagai Penolong Ketua Unit / Guru Kanan adalah kelebihan.
4. Mempunyai Sijil Pengurusan Pentadbiran dan Pendidikan yang diiktiraf adalah kelebihan.
5. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan dengan perkembangan dan pengukuhan ugama melalui pendidikan dan persekolahan ugama Islam.
2. Berperanan memimpin sekolah-sekolah yang mempunyai tanggungan yang ramai.
3. Sebagai fasilitator bagi memimpin dan pengukuhan ugama melalui pendidikan.
4. Melaksanakan urusan pentadbiran di Bahagian dan Unit berkaitan persekolahan ugama.



5. Memantau kemajuan dan perkembangan pelajaran dalam bidang-bidang yang khusus seperti Al-Quran dan Amali Ugama.
6. Menerima arahan dari semasa ke semasa yang diarahkan oleh Ketua Jabatan / Pengetua / Guru besar.